



ISLAM

sebagai

ADDIN

SHARIFAH NUR ABU



ISLAM SEBAGAI ADDIN

Edisi Pertama

Cetakan Pertama 2023

©Politeknik Merlimau, 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini yang boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Merlimau.

SHARIFAH NUR ABU

Diterbitkan Oleh:

Politeknik Merlimau Melaka

Kementerian Pendidikan Tinggi

77300 Merlimau Melaka.

Tel: 06-2636687

Fax: 06-2636678

Email: <https://pmm.mypolycc.edu.my/>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2762-67-6

EDITORIAL BOARD

Managing Editors:

Rosheela binti Muhammad Thangaveloo

Siti Nor Fardilla binti Harun

Noraini binti Ya'cub

Editor:

Abdul Rahman bin Abdul Gapar

Designer:

Sharifah Nur binti Abu

PRAKATA

Segala puji-pujian bagi Allah pencipta semesta alam serta penciptaan manusia yang cukup sempurna dari segi akal dan pancaindera supaya dapat menjalankan tanggungjawab sebagai hamba-Nya.

Bersyukur juga kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyempurnakan nota subtopik bagi kursus MPU23012 PENGAJIAN ISLAM dengan jayanya sebagai satu rujukan utama kepada Pensyarah dan Pelajar bertepatan dengan silibus yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Diharapkan segala proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan satu impak yang besar kepada kecemerlangan pelajar dalam kursus MPU23012 PENGAJIAN ISLAM khususnya dan kesempurnaan akhlak amnya.

Sharifah Nur Abu

KENALI PENULIS



Berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Am di Politeknik Merlimau Melaka. Berpengalaman mengajar dan terlibat dalam penulisan modul Mata Pelajaran Umum Versi Politeknik.

SHARIFAH NUR ABU

" Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran e-Book ini dilengkapi dengan bahan yang informatif dan interaktif"

ISI KANDUNGAN

Prakata	iv
Kenali Penulis	v
Isi Kandungan	vi

01

TASAWWUR ISLAM

Memahami Manusia dan Agama	1-14
Skop Ajaran Islam	15-19
Latihan	20

02

RUKUN IMAN

Memahami konsep Akidah	22-25
Asas-asas Akidah	26-38
Latihan	39-40

03

RUKUN ISLAM

Memahami Rukun Islam	42-54
Latihan	55

04

KONSEP IHSAN

Konsep Ihsan	57-64
Memahami konsep Akhlak	65-76
Latihan	77

05

AKTIVITI ILMIAH

Uji Minda	78
Islamic Studies Board Game	79
Info Ilmiah	80

RUJUKAN	81
---------	----



Di akhir pembelajaran pelajar dapat:

1. Membincangkan pengertian Islam, Iman dan Ihsan.
2. Melaksanakan Rukun Islam dengan sempurna.
3. Membincangkan Rukun Iman dengan baik.
4. Membincangkan konsep Ihsan dan hubungannya dengan Allah, manusia dan Alam.

**HASIL
PEMBELAJARAN**



**Tasawwur
Islam**



MANUSIA DAN AGAMA

Menurut Islam manusia bermaksud **makhluk Allah yang mulia dan sempurna serta indah kejadiannya.**

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. **(surah: at-Tin:4)**

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi. Mereka bertanya: Adakah Engkau hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa mensucikan-Mu? Tuhan berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya. **(al-Baqarah:30)**

Manakala agama diistilahkan sebagai al-din - cara hidup yang diredhai Allah.

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam. **(al-Imran:19)**

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagimu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agamamu. **(al-Maidah:3)**

Manusia dan agama tidak dapat dipisahkan.

Sejarah manusia - sejak mula diciptakan telah memberikan fokus utama dan terpenting kepada agama atau kepercayaan

MANUSIA DAN UNSUR KEJADIANNYA

Manusia berasal dari diri yang satu
iaitu Nabi Adam a.s.

Manusia diciptakan terdiri
daripada dua unsur iaitu unsur jasad
dan unsur roh



*Ya lebih mengetahui akan keadaan kamu semenjak
la mencipta kamu (berasal)
dari tanah, dan semasa kamu berupa anak yang
sedang melalui berbagai
peringkat kejadian dalam perut ibu kamu; maka
janganlah kamu memuji-muji diri
kamu (bahawa kamu suci bersih dari dosa). Dia lah
sahaja yang lebih mengetahui
akan orang-orang yang bertaqwa.*

(Surah An-Najm: 32)

KEJADIAN MANUSIA (UNSUR JASMANI)

1. Air (al-Furqan: 54)

"Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia daripada air"

2. Tanah (al-Rum: 20)

"Maka sesungguhnya Kami menciptakan manusia itu daripada tanah.."

3. Saripati tanah (al-Mukminun: 12)

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari saripati (yang berasal) dari tanah"

4. Tanah yang liat dan sehati (as-Shaffat: 11)

"Sesungguhnya Kami telah mencipta mereka dari tanah liat"

5. Tanah yang panas dan berbau (al-Hijr: 28)

"Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering yang berasal dari tanah yang kental yang berubah warna dan baunya"

6. Tanah yang keras seperti tembikar (al-Rahman: 14)

"Ia menciptakan manusia (jasad Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar"

7. Tanah bumi (al-Najm: 32)

"..Ia menciptakan kamu daripada tanah"

KEJADIAN MANUSIA (UNSUR JASMANI)



Hadis Rasulullah s.a.w:
"Allah telah menciptakan Adam dan tinggi (jasadnya) enam puluh hasta"



Setelah sempurna bentuk rupanya, maka diberikan nama 'Adam', sesuai dengan kejadiannya dari 'Adim al-Ard' (jenis-jenis tanah).



Pasangan nabi Adam - Hawa diciptakan oleh Allah dari tulang rusuk Adam.



Sabda Rasulullah s.a.w, bermaksud:
"Hendaklah kamu (wahai kaum lelaki) menasihati isteri-isteri kamu secara baik.
Sesungguhnya wanita itu diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok"

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu bermula dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa)" (**an-Nisa':11**)



KEJADIAN MANUSIA (PROSES BIOLOGI)

- “Melalui proses pembentukan yang berperingkat-peringkat setelah berlakunya hubungan perkahwinan antara lelaki dan wanita

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari saripati yang berasal dari tanah; kemudian Kami jadikan saripati itu (setitis) air benih pada tempat yang kukuh; kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku; lalu Kami ciptakan air benih itu segumpal darah beku; lalu Kami ciptakan segumpal darah beku itu menjadi segumpal daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balutkan tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu, Kami bentukkan dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya, Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta” (al-Mu'minun: 12-14)



Hadis Rasulullah s.a.w:

“Sesungguhnya salah seorang kamu dikumpulkan kejadiannya dalam perut ibu selama empat puluh hari sebagai air mani, kemudian empat puluh hari sebagai sebuku darah yang bergantung, kemudian empat puluh hari sebagai sebuku daging, kemudian diutuskan kepadanya malaikat lalu meniupkan padanya roh dan diperintah menulis empat kalimah; iaitu rezekinya, umurnya, amalnya dan celaka atau bahagiannya”

Unsur Roh

Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari ciptaan-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya. (al-Hijr:29)

PENGERTIAN AGAMA

- Kamus Dewan, agama - kepercayaan kepada Tuhan.
- Agama dinisbahkan kepada Islam - kepercayaan kepada Allah dan sifat-sifat serta kekuasaanNya, menerima ajaran dan perintahNya.
- Islam dikategorikan sebagai agama langit dan bukan agama ciptaan manusia.
- Agama juga diberi maksud - kepercayaan kepada sesuatu yang dipuja dan dianggap berkuasa seperti dewa dan lain-lain.

- Perkataan agama sebenarnya berasal daripada perkataan sanskrit yang bermaksud-warisan tertulis yang diturunkan dari generasi ke satu generasi yang lain. Istilah agama ini digunakan oleh orang Hindu bagi merujuk kepada kitab-kitab Veda (kitab suci Hindu)
- Dalam bahasa Inggeris, perkataan agama diertikan sebagai religion. Bagi Barat agama (religion) dianggap sebagai suatu sistem kepercayaan dan sebahagian daripada budaya sematamata.

- Dalam bahasa Arab, perkataan agama diterjemahkan - al-din = pasrah, menyerah, tunduk, perhitungan dan lain-lain.
- Agama agak berbeza dengan al-din. Perkataan al-din dalam bentuk umum bererti suatu cara hidup, manakala dalam bentuk yang khusus pula bermaksud cara hidup yang ditetapkan oleh Allah s.w.t.

الله

PENGERTIAN AGAMA

1. Terdapat pelbagai pengertian agama dari sudut bahasa, antaranya:

- anti kerosakan
- bukan benda
- tatacara hubungan manusia dengan raja atau pemerintah
- peraturan hubungan manusia sesama manusia
- upacara hubungan manusia dengan dewa-dewa
- kepercayaan atau keyakinan terhadap ketuhanan

- Agama lebih bersifat hubungan yang terbatas hanya antara manusia dengan Tuhannya. Sedangkan al-din mencakupi segenap aspek dalam kehidupan manusia, meliputi juga hubungan tiga dimensi.

MENURUT AL-QURAN ISTILAH AGAMA MENGANDUNGI EMPAT CIRI UTAMA, IAITU:

Kehakiman/kesultanan/kekuasaan
yang tertinggi
Akidah

Patuh pada
Ibadah

Sistem / peraturan yang digubal
Perundangan

Pembalasan nikmat / Nikmat
Akhlak

AL-QURAN TELAH MENISBAHKAN AGAMA KEPADA DUA BAHAGIAN, IAITU:

1 Agama yang disifatkan sebagai **sesat**. Firman Allah s.w.t (al-Kafirun:6): "Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku"

- Agama yang haq itu ialah agama Allah, lurus dan teguh serta diperakui oleh Allah dengan nama al-Islam. Allah s.w.t berfirman (al-Imran: 19): **"Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam"**

2 Agama yang benar. Allah s.w.t berfirman (al-Taubah: 33):

"Dia lah yang telah mengutus RasulNya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan ugama yang benar (ugama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.

Keperluan Manusia Kepada Agama:

- Fitrah manusia yang diciptakan oleh Allah memiliki naluri beragama
- Kejahilan manusia mengenai diri dan persoalan persekitaran hidupnya
- Kecenderungan manusia hidup menurut sesuatu peraturan
- Kelemahan akal manusia untuk mentafsir alam disebalik alam nyata ini.

SKOP AJARAN ISLAM

PENGERTIAN ISLAM

BAHASA

- Islam berasal dari bahasa Arab - salima - selamat, sentosa atau kedamaian.
- Dari perkataan salima ini dibentuk perkataan aslama yang bermaksud terpelihara dalam keadaan selamat sentosa. Ia juga bererti menyerah diri, tunduk, patuh dan taat. Perkataan aslama inilah yang menjadi asas kepada perkataan Islam iaitu aslama-yuslimu-islaman, yang membawa erti menyerah diri, patuh dan tunduk kepada sesuatu
- Islam berbeza dari agama-agama lain kerana perkataan Islam tidak mempunyai hubungkait sama ada dengan individu-individu, golongan atau tempat tertentu, tetapi nama yang diberi oleh Allah s.w.t:

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu.” (al-Maidah: 3)

ISTILAH

Antara definisi Islam dari sudut istilah :


- Patuh dan menyerah diri kepada Allah dengan penuh kesedaran dan kerelaan tanpa paksaan.
- Definisi Islam berdasarkan jawapan Rasulullah s.a.w apabila ditanya oleh malaikat jibril mengenai Islam. Sabda Rasulullah s.a.w, bermaksud:

“Al-Islam itu ialah kamu mengakui bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu Rasulullah, kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah sekiranya mampu”

Islam adalah peraturan hidup (way of life) yang bersifat integrasi dan mengatur hidup dan kehidupan manusia dan menjadi dasar akhlak mulia, yang disampaikan oleh Nabi Muhammad untuk seluruh umat manusia

SKOP AJARAN ISLAM

1. ASAS AJARAN ISLAM




1. Akidah

- Menerima Islam sebagai al-din bererti berpegang teguh kepada aqidah yang benar yang menjadi teras dalam kedudukan Islam
- Perkataan aqidah = ikatan atau simpulan.
- Menurut istilah = bererti kepercayaan, keyakinan atau keimanan yang mantap dan tidak mudah terurai oleh pengaruh mana pun sama ada dari dalam atau dari luar diri seseorang.
- Aqidah Islam merupakan kepercayaan atau keimanan kepada hakikat dan nilai-nilai mutlak, yang tetap dan kukuh, yang pasti dan hakiki lagi kudus dan suci.
- **Asas aqidah - 6 rukun iman.**
- Nilai-nilai mutlak = keimanan dan keyakinan kepada perkara ghaib yang berpaksikan keyakinan terhadap Allah yang esa - esa dari sudut uluhiyyah dan rububiyah serta al-asma' wa al-sifat.

- **a) Tauhid Rububiyah** : Allah s.w.t satu-satunya Pencipta, Pemelihara, Penguasa, dan Pengatur alam ini.
- **b) Tauhid Uluhiyyah** : Allah sebagai satu-satunya Tuhan untuk diabdikan diri kepadaNya dengan beribadah, berdoa, tunduk, merendah diri hanya kepadaNya dan tidak menerima hukum agama dan ketetapan dalam perkara ghaib kecuali dari Allah.
- **c) Tauhid Asma' wa Sifat** : Percaya bahawa Allah memiliki segala nama- nama yang menggambarkan kesempurnaan dan ketinggian sifat-sifatNya sepertimana yang terkandung di dalam Al-Quran dan al-Hadis serta suci daripada segala sifat-sifat mustahil bagi diriNya.

SKOP AJARAN ISLAM

1. ASAS AJARAN ISLAM



2. Syariat

- Berupa hukum-hukum perundangan bertujuan mengatur kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara; sama ada berupa hukum-hukum yang berkaitan dengan taharah, solat, zakat, puasa dan haji.
- Berkaitan dengan muamalat dalam urusan peribadi seperti munakahat (perkahwinan), warathah (pewarisan) dan juga yang berkaitan dengan urusan am seperti at-Tijarah (perniagaan), al-Jinayah (jenayah), al-Imarah atau al-kahlifah (pemerintahan), perhubungan antarabangsa dll.
- Syariat dalam Islam berkembang dari semasa ke semasa. Ia bersumberkan empat perkara: al-Quran, al-Hadis, ijmak dan qiyas.
- Peraturan dan perundangan Islam adalah seimbang dan mudah dalam semua perkara.


3. Akhlak

- Akhlak - tingkahlaku, perangai atau keperibadian.
- Iman al-Ghazali - sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang hingga menghasilkan segala perbuatan dengan mudah (spontan) tanpa perlu pertimbangan fikiran. Sekiranya akhlak itu baik menurut pertimbangan al-Quran dan al-Sunnah, maka baiklah. Sekiranya buruk mengikut al-Quran dan al-Sunnah, maka buruklah.

- Islam datang untuk membetulkan akhlak manusia. Justeru diutus Rasulllah s.a.w Sabda Rasululllah s.a.w, bermaksud: **“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”**
- Akhlak dalam Islam adalah sangat penting dan menyeluruh, ia menjadi dasar kepada tatacara kehidupan insan, baik dalam hubungannya dengan Allah, sesama manusia, dan alam seluruhnya.

SKOP AJARAN ISLAM


1. ASAS AJARAN ISLAM



Skop akhlak :

1. **Hubungan manusia dengan Allah.** Akhlak terpuji yang menghubungkan manusia dengan Allah adalah seperti bertaqwa, ikhlas, sabar dll
2. **Hubungan manusia sesama manusia.** Akhlak terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat seperti bertimbangrasa, berlaku adil, bantu-membantu jujur, amanah dan sebagainya.
3. **Hubungan Manusia dengan Makhluk/Alam.** Hubungan manusia dengan makhluk dan alam umumnya (haiwan dan tumbuhan seperti tidak melakukan pencemaran, kerosakan atau kezaliman, bertimbangrasa dan penyayang, memelihara haiwan atau tumbuh-tumbuhan daripada kepupusan, dan sebagainya.

HUBUNGAN AKIDAH, SYARIAH DAN AKHLAK



SKOP AJARAN ISLAM

2. SUMBER-SUMBER AJARAN ISLAM

Sumber-sumber Ajaran Islam:

1. Al-Quran
2. Al-Sunnah

Al-Quran

- Al-Quran ialah nama terbitan daripada kata kerja qa-ra-'a, yaq-ra'-u yang - bacaan. al-Quran juga disebut al-Furqan, al-Kitab, al-Zikr.
- Makna al-Quran dari segi istilah - kalam Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w dalam bahasa Arab yang disampaikan secara mutawatir dan membacanya suatu ibadah.




Al-Sunnah

- Al-Sunnah dari segi bahasa - jalan atau cara, baik yang terpuji atau yang tercela. Istilah - segala sesuatu yang bersumber dari Rasulullah baik dalam bentuk perkataan, perbuatan atau pengakuan.
- Al-Sunnah = sumber kedua dan berperanan menerangkan dan memperincikan isi kandungan al-Quran.
- **Terbahagi kepada tiga bentuk:**
 1. Sunnah 'qauliyyah'
 2. Sunnah 'fi'liyyah'
 3. Sunnah 'taqririyyah'

SKOP AJARAN ISLAM

3. CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN ISLAM



1. Rabbani

- Islam - agama yang datang dari Allah.
- Agama wahyu yang bersih daripada campur tangan manusia.
- Mempunyai sifat-sifat atau ciri-ciri yang sesuai dengan Penciptanya yang maha tinggi.
- Islam disembarkan oleh Rasul pilihan Allah yang bersifat maksum dan al-Quran yang diturunkan oleh Allah menjadi panduan kepada manusia sentiasa terjamin kesuciannya dan terpelihara sepanjang zaman

• Prinsip Rabbaniyyah

1. Agama yg diwahyukan oleh Allah
2. Seluruh makhluk adalah hak kepunyaan Allah
3. Allah sbg pemberi peraturan hidup
4. Terpelihara drpd kekurangan dan kejahilan

SKOP AJARAN ISLAM

3. CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN ISLAM

2. Syumul (Lengkap)

- Islam mengatur semua sudut kehidupan dan perbuatan manusia serta mencakupi seluruh aspek/bidang
- Islam bukan hanya merupakan agama yang berbentuk teori semata yang menyangkut kepada persoalan hati dan fikiran, bukan hanya berbentuk lisan yang memfokus kepada pertuturan, malah Islam adalah agama yang mencakupi seluruh kejadian manusia.
- Prinsip syumuliyah
 1. Kesempurnaan hanya milik Allah
 2. Semua makhluk terikat dgn masa, tempat dan ruang tertentu
 3. Manusia sebagai khalifah

3. Wasatiah/ Seimbang

- Seluruh ajaran Islam dan sistemnya ditegakkan atas dasar sepadu dan seimbang. Setiap satu bahagian dengan bahagian yang lain saling berkaitan.
- Oleh itu syariah ini perlu diamalkan secara keseluruhannya oleh manusia, bukan sebahagian tertentu sahaja.
- Kesepaduan dan keseimbangan sistem Islam ini bukan sahaja dalam bentuk hukum hakam bahkan juga dalam semua ciptaan Allah termasuklah penciptaan langit dan bumi serta peredaran bulan, bintang dan matahari, semuanya bersifat sepadu dan seimbang.
- Keseimbangan juga dapat dilihat dari sudut rohani dan jasmani, dunia dan akhirat, individu dan masyarakat.

4. Thabat (Tetap)

- Iaitu segala dasar yg digariskan oleh Allah melalui al-Quran dan al-Sunnah tidak boleh dan tidak akan berubah atau dipinda.
- Antara perkara yg termasuk dlm konsep thabat:
 1. Akidah
 2. Ibadat
 3. Ketetapan hukum syariah – soal halal, haram, wajib, harus, makruh

SKOP AJARAN ISLAM

3. CIRI-CIRI KEISTIMEWAAN ISLAM

5. Alami/ Universal

- Islam adalah agama yang bersifat universal iaitu meliputi semua tempat dan masa.
- Sesuai dgn perutusan Rasulullah sebagai penyebar kepada agama suci ini adalah semata-mata untuk membawa rahmat kepada seluruh alam. Firman Allah: **“Dan Kami tidak mengutuskan engkau, melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam”**(al-Anbiya’: 107)
- Islam juga tidak diutuskan kepada kaum dan puak tertentu. Oleh itu, Islam tidak menilai kemuliaan seseorang itu berdasarkan kepada keturunan, warna kulit dan wajah tetapi ketakwaan.
- Prinsip alami/ universal:
 1. Kedudukan manusia sebaik2 kejadian
 2. Nilai keadilan Islam bersifat sejagat
 3. Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran
 4. Islam menjamin hak asasi manusia

6. Waqi'e

- Islam sebagai agama yang sempurna dan menyeluruh sudah tentu tidak akan terlaksana dengan hanya berlandaskan kepada teori semata-mata. Ianya perlu dibuktikan dengan amal perbuatan seperti solat, puasa, zakat dan lain-lain.
- Sebagai contoh, iman merupakan elemen terpenting dan bidang teori yang utama bagi menentukan status seseorang di sisi Allah. Namun ia tidak cukup memadai tanpa diiringi dengan pengakuan lisan dan untuk membuktikan tepat pengakuan lisan itu, ia perlu dibuktikan pula dengan amal perbuatan.
- **Prinsip waqi'iyah**
 1. Praktikal
 2. Menyelesaikan masalah
 3. Menekankan kesederhanaan
 4. Positif terhadap pemikiran

SKOP AJARAN ISLAM

4. KEPENTINGAN MEMAHAMI TASAWWUR ISLAM

1. Mengelakkan diri daripada terlibat dengan penyelewengan ajaran Islam dan salahfaham terhadap Islam

- Mereka menggunakan pelbagai cara dan kaedah yang cukup berkesan untuk memesongkan umat Islam dari menghayati cara hidup Islam.
- Melalui media massa dengan hiburan yang melalaikan dan merosakkan pemikiran.
- Melalui budaya dan cara hidup selesa dan penuh dengan keseronokan.
- Menanamkan falsafah songsang; hidup hanya sekali. Seolah-olah dunia adalah segala-galanya sebagai detinasi awal dan akhir hidup manusia.
- Menanamkan dan menyuburkan sikap individualistik dan metarialistik di kalangan umat Islam yang menggoyahkan pertahanan dan jati diri umat Islam.

2. Meletakkan Islam pada kedudukan yang tinggi

- Islam akan dihormati dan dikagumi oleh orang Islam dan bukan Islam.



LATIHAN KEFAHAMAN

Jawab Semua Soalan dibawah:

Soalan 1:

Apakah yang dimaksudkan dengan Islam sebagai al-din?

Soalan 2:

Senaraikan ciri-ciri kesempurnaan Islam.

Soalan 3:

Berikan definisi bagi perkara berikut:

- I) Rabbaniyyah
- II) Wasatiyyah
- III) Syumul

Boleh rujuk nota diatas untuk bincang
Jawapan



**RUKUN
IMAN**

MEMAHAMI IMAN

Iman

- Berasal dr kata kerja - amanna, yukminu = percaya membenarkan
- Menurut istilah:
 1. Iman itu diucapkan dengan lidah dan kepercayaan yang benar dengan hati dan perbuatan dengan anggota - Ali Abi Talib
 2. Iman kepada Allah itu mengakui dengan lisan dan membenarkan dengan hati dan mengerjakan dengan anggota - Aisyah r.a
 3. Iman ialah pengakuan dengan lidah, membenarkan dengan hati dan mengamalkannya dengan rukun-rukun - Imam Ghazali
- **Orang yang beriman** = percaya, mengakui dan beramal.
- **Orang yang tidak sempurna iman** = fasik, munafik, kafir

Definisi Iman



Definisi Akidah

Kepercayaan dan keimanan yang teguh dalam apa jua keadaan



MEMAHAMI IMAN

Peringkat iman

Iman Hakikat : Hidup semata-mata untuk Allah dan Rasul dan hari akhirat (contoh : Iman para nabi)

Iman Haq : Iman yang terlepas dari nafsu syaitan (Golongan muqarrabin / dekat dengan Allah)

Iman A'yan : Iman dalam hati (seperti orang soleh)
Pengenalan pada Allah dengan mata hati

Iman Ilmu : pada ilmu / fikiran ; tidak pada hati
Ada alasan dan dalil

Iman Taqlid : Ikut-ikutan Jahil dan tidak tahu dalil.



Kaedah menjaga dan mempertingkatkan iman

Pembinaan Akidah

- Memahami konsep Islam yang sebenarnya
- Langkah-langkah memantapkan akidah
 1. **Mu'ahadah** (Allah telah mengambil perjanjian daripada manusia semasa di alam roh. (al- A'araf: 172)
 2. **Muraqabah** (Merasai bahawa Allah mengawasi gerak geri kita)
 3. **Mujahadah** (Pertarungan menentang nafsu dan berjuang menegakkan agama Allah. Dilakukan secara istiqamah. (al-Ankabut: 69

Langkah memantapkan akidah

1. **Muhasabah** (Mendorong manusia sentiasa berhati-hati dan menginsafi diri tentang banyaknya nikmat yang dikurniakan Allah (al-Talaq: 8)
2. **Mu'aqabah** (Iaitu suatu bentuk denda yang dikenakan terhadap diri sendiri kerana kecuaiian dalam melaksanakan perintah Allah. Denda dalam bentuk amalan mendekatkan diri kepada Allah. (al-Baqarah: 196)

Peranan Akidah

1. Melahirkan ummah yang tunduk patuh kepada ajaran Allah dan Rasul
2. Melahirkan ummah yang mempunyai halatuju dan matlamat hidup yang jelas
3. Melahirkan ummah yang mempunyai keperibadian yang jelas
4. Melahirkan ummah yang berfikiran kritis, progresif dan dinamis
5. Membangunkan ekonomi ummah secara komprehensif
6. Menegakkan sistem pemerintahan yang stabil

TAKRIF AKIDAH, IMAN & AKIDAH ISLAM

TAKRIF AKIDAH



Kepercayaan dan keimanan yang teguh dalam apa jua keadaan.

TAKRIF IMAN



Terbahagi kepada tiga:

- membenarkan dalam hati.
- mengaku dengan lidah.
- mengamalkan dengan anggota badan.

TAKRIF AKIDAH ISLAM




• AKIDAH ISLAM:

Kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah sebagai 'rabb' dan 'illah' serta beriman dengan nama-namaNya & sifat-sifatNya, juga beriman dengan adanya malaikat, kitab-kitab, para Rasul, hari Akhirat dan beriman dengan takdir Allah sama ada baik atau buruk termasuk segala yang datang dari Allah. Seterusnya patuh & taat pada segala ajaran Allah.

Ringkasannya: Keimanan & keyakinan terhadap Allah & RasulNya serta ajaran dibawa oleh Rasul dapat dilaksanakan dalam kehidupan.

ASAS-ASAS AKIDAH (RUKUN IMAN)



1. KEPERCAYAAN KEPADA ALLAH S.W.T

iaitu tahu, percaya dan yakin
dengan perkara wajib,
mustahil dan harus bagi Allah
s.w.t

Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit sebagai bangunan; dan diturunkan-Nya air hujan dari langit,


lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu;

maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah, sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahuinya.



2. KEPERCAYAAN KEPADA MALAIKAT

CIRI-CIRI MALAIKAT



- Dicipta daripada nur. Hadis Rasulullah s.a.w, "Dijadikan malaikat dari cahaya, dijadikan jin dari nyalaan api dan manusia seperti yang telah digambarkan kepada kamu"

- Boleh berupa bermacam bentuk dengan izin Allah. Datang kepada Rasulullah dalam bentuk manusia dan ada juga yang datang ke bumi dalam bentuk cahaya. Contohnya, Malaikat Jibril datan jumpa Rasulullah menyerupai manusia dalam majlis ilmu.



- Malaikat seperti yang digambarkan dalam al-Quran mempunyai sayap Segala puji bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat; Ia menambah dalam ciptaan-Nya apa jua yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (Faatir: 1)

2. KEPERCAYAAN KEPADA MALAIKAT

Malaikat diibaratkan sebagai kakitangan Allah yang telah diberi tugas dan tanggungjawab yang tersendiri. Apa yang diperintah oleh Allah terus dilaksanakan. Firman Allah s.w.t: "Para malaikat itu tidak melanggar apa yang diperintah oleh Allah di mana mereka melaksanakan yang disuruh" (AL-TAHRIM:6)

Berdoa untuk orang beriman

TUGAS MALAIKAT

Membawa wahyu kepada para nabi dan Rasul.

Bertasbih dan patuh serta sujud pada Allah

2. KEPERCAYAAN KEPADA MALAIKAT

TERDAPAT 10 MALAIKAT YANG PERLU KITA IMANI:

1. JIBRIL A.S

MENYAMPAIKAN WAHYU ALLAH KEPADA PARA NABI DAN RASUL

2. MIKAIL A.S

MEMBERI REZEKI

3. ISRAFIL A.S

MENIUP SERUNAI SANGKA KALA

4. ISRAIL A.S

MENCABUT NYAWA

5. MUNKAR A.S

MENYOAL MAYAT DI DALAM KUBUR

6. NAKIR A.S

MENYOAL MAYAT DI DALAM KUBUR

7. RAQIB A.S

MENULIS KEBAJIKAN

8. 'ATID A.S

MENULIS KEJAHATAN

9. MALIK A.S

MENJAGA NERAKA


10. RIDWAN A.S

MENJAGA SYURGA




3. KEPERCAYAAN KEPADA KITAB

- **Setiap orang islam mestilah mengetahui dan yakin bahawa Allah menurunkan wahyuNya kepada para nabi sejak daahulu hingga Rasul terakhir iaitu Muhammad s.a.w**



ANTARA KITAB YANG DITURUNKAN OLEH ALLAH S.W.T:

- **Zabur** - nabi Daud (al-Isra': 55),
- **Taurat** - nabi Musa (al-Maidah: 46)
- **Injil** - nabi Isa
- **al-Quran** - nabi Muhammad (al-Imran: 2-4)



KITAB ZABUR

- Nabi Daud a.s
- Qibti



KITAB TAURAT

- Nabi Musa a.s
- Ibrani



KITAB INJIL

- Nabi Isa a.s
- Suryani



KITAB AL-QURAN

- Nabi Muhammad s.a.w
- Arab

- Mengetahui dan yakin Allah s.w.t. telah melantik Rasul bagi setiap umat bertujuan mengajak manusia menyembah Allah dan menjauhi 'taghut'.
- "Dan Kami telah mengutuskan kepada setiap ummah seorang rasul untuk mengajak manusia menyembah Allah dan menjauhi taghut" (an-Nahl: 36)

PERANAN RASUL:

- Menyeru dan membimbing manusia ke jalan yang benar, jalan
- menyembah Allah, memimpin manusia kepada keselamatan berasaskan akidah.
- Menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan kezaliman.
- Menyampaikan wahyu Allah s.w.t yang menjadi panduan dan petunjuk kepada manusia

4. KEPERCAYAAN KEPADA PARA RASUL

- Ada antara mereka diceritakan dalam al-Quran dan sebahagiannya tidak dijelaskan. "Dan sebilangan dari kalangan para Rasul telah diceritakan kepada kamu manakala sebilangan yang lain tidak diceritakan" (al-Nisa' 164)

MATLAMAT RASUL DIUTUSKAN:

- Berbakti kepada Allah
- Mendekatkan manusia kepada Allah
- Melaksanakan ajarannya
- Menegakkan kebenaran dan keadilan
- Memimpin manusia dalam kehidupan bersyariat

PERBEZAAN NABI DAN RASUL:

PERBEZAAN	LELAKI	MERDEKA	WAHYU DARI ALLAH	MENYAMPAIKAN KEPADA ORANG LAIN
NABI	✓	✓	✓	✗
RASUL	✓	✓	✓	✓

5. KEPERCAYAAN KEPADA HARI AKHIRAT

- Percaya dan yakin tentang adanya kehidupan selepas alam dunia ini.
- Ingatlah hari bumi ini diganti dengan yang lain, demikian juga langit; dan mereka berhimpun menghadap Allah, Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa. Dan engkau akan melihat orang yang berdosa pada ketika itu diberkas dengan dibelenggu. (Ibrahim: 48-49)
- Seluruh makhluk akan dibangkitkan setelah mereka mati.
- Mereka akan dihisab seluruh amalannya.



PENCERITAAN HARI KIAMAT DALAM AL-QURAN

- Al-Quran banyak menghubungkan keimanan kepada hari akhirat dengan beriman kepada Allah (Surah Al-Baqarah:62)
- "Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Nasara (Nasrani), dan orang-orang Saabi'in, sesiapa di antara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal salih, maka bagi mereka pahala balasannya di sisi Tuhan mereka, & tidak ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita" (al-Baqarah: 62)
- Hampir semua surah dalam Al-Quran membahaskan tentang hari kiamat & pembalasannya.
- Allah memberikan berbagai-bagai nama hari akhirat di dalam Al-Quran:
 1. Hari Saa'ah- (Surah Al-Qamah:1)
 2. Hari Khuruj- (Surah Al-Qaf:42)
 3. Hari Thaamah- (Surah Al-Nazi'at:34)
 4. Nama-nama lain:
Yaumu Aakhirah, Yaumu Din, Yaumu Hisab,
Yaumu Thalaq & lain-lain.

PERINGKAT-PERINGKAT DI HARI AKHIRAT:

Hari kehancuran manusia di bumi.

Hari kebangkitan. Bangkit dari kubur berkumpul di padang mahsyar. (al-Waqiah: 60-62)

Pembentangan amalan. (al-Kahfi: 49)

Hari hisab (Timbangan amalan (al-Anbia': 47) & Titian sirat. (Maryam: 71-72)

Hari keputusan. Balasan syurga dan neraka. (al-Taubah: 111-112)

KEPENTINGAN BERIMAN DENGAN HARI AKHIRAT

- Memperbaharui kesedaran tentang hakikat adanya tempat di mana manusia menerima balasan.
- Mempertingkatkan iman.
- Melembutkan hati manusia dengan mengingati mati dan hari pembalasan.
- Menggalakkan manusia melakukan ma'aruf. (amal soleh)
- Membuat kerja untuk mendapatkan keredhaan Allah dan bukan mengharap balasan insan atau popular dan lain-lain.

6. KEPERCAYAAN KEPADA QADA' & QADAR



- **Qada'** -Pelaksanaan atas ketetapan (qadar) yang telah ditetapkan oleh Allah sejak azali bagi semua makhluk dan segala hal yang berlaku.
- **Qadar** -Ketetapan atau perancangan Allah yang telah ditentukan mengikut kehendak Allah yang azali bagi semua makhluk dan segala hal yang berlaku.
 - Peraturan yang umum yang merupakan penetapan Allah sejak azali berdasarkan sebab dan akibat.
 - Ia merupakan perancangan Allah mengikut kudrat dan iradatNya.



Kekeliruan dalam konsep takdir.

- Disebabkan kejahilan dalam memahami konsep takdir.
- Sengaja menolak konsep beriman dengan takdir yang bertujuan untuk memenuhi nafsu.
- Dakwaan bahawa ketentuan syurga dan neraka sudah ditentukan, menyebabkan mereka enggan melakukan kebaikan di dunia.



- Firman Allah terhadap konsep qada'. "Dan setiap perkara mempunyai ketentuan di sisi Allah" (al-Ra'd: 8)
- Firman Allah terhadap konsep qadar. **وربما يخلق ما يقا ما يختار ما كان لهم الخيرة** "Dan Allah mencipta apa yang dikehendaki dan Dia yang memilih. Tidak ada pilihan baginya" (al-Qisas: 68)



Pembahagian Qada'

- **Qada' Mubram**
 - Ianya tidak berubah dan tidak dapat diubah oleh sesiapa pun.
 - Takdir dalam ilmu Tuhan yang azali (Qaaf: 29)
- **Qada' Muallaq**
 - Qada' yang boleh berubah. Ianya masih menerima perubahan dengan sebab doa dan perbuatan baik.
 - Bergantung pada usaha manusia dan kita diberi kebebasan untuk memilihnya. Bahkan kita disaran untuk memilih perkara yang boleh mendatangkan manfaat.
 - Contohnya seorang pelajar berusaha dengan tekun dalam pelajarannya. Dengan izin Allah dia Berjaya mendapat keputusan cemerlang.
 - Sabda Nabi " Tidak akan berubah nasib sesuatu qada' melainkan dengan doa"



6. KEPERCAYAAN KEPADA QADA' & QADAR

Sikap orang Islam dalam menerima takdir.

- Menerima dan redha. Sebagai contoh ada hikmah di sebalik ketentuan Allah.
- Bersabar di atas musibah.
- Bersyukur ditakdirkan sesuatu yang baik.
- Sentiasa berusaha dan berwaspada, jangan menunggu takdir Allah tanpa berbuat sesuatu.
- Sentiasa berdoa.
- Hendaklah bertawakal kepada Allah.

Contoh amalan yang boleh meningkatkan iman.

Mendengar ceramah agama.

Membaca Al-Quran & memahami.

Puasa sunat.

Solat sunat.

Berzikir.

Sedekah.

Antara punca kurangnya iman.

Ikut nafsu

Ingkar perintah Allah s.w.t.

Terlalu cintakan dunia

Berkawan dengan fasik & ahli maksiat

Hedonisme

Tidak menjaga pancaindera

Contoh amalan yang boleh melemahkan iman.

Berdusta

Melakukan maksiat

Tinggalkan solat

Merangsang nafsu

Berkhayal


Hiburan yang melampau



Maksiat berleluasa



Malas beribadah



Implikasi kurangnya iman

Perpecahan




Terpengaruh ajaran sesat



Keretakan rumahtangga



LATIHAN KEFAHAMAN



JAWAB SEMUA SOALAN DIBAWAH:

SOALAN 1:

Apakah perbezaan antara nabi dan rasul?

SOALAN 2:

Apakah maksud bagi istilah dibawah:

- I) Qada' Mubram
- II) Qada' Muallaq

SOALAN 3:

Berikan tugas bagi setiap malaikat yang dinyatakan dibawah:

- I) Israfil :
- II) Izrail :
- III) Raqib :
- IV) Mikail :
- V) Malik :

SOALAN 4:

Berikan nama nabi yang menerima kitab-kitab berikut:

- I) Kitab Zabur:
- II) Kitab Injil :
- III) Kitab Taurat :
- IV) Kitab Al-Quran :

**Boleh rujuk nota diatas untuk bincang
Jawapan**

LATIHAN KEFAHAMAN

Soalan 5:

Lengkapkan peringkat keimanan dalam piramid dibawah:



Piramid Peringkat Keimanan

Boleh rujuk nota Peringkat Iman diatas untuk
bincang jawapan



**RUKUN
ISLAM**

1. SYAHADAH

KONSEP SYAHADAH

Lafaz Syahadah:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Makna:

Aku bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah

Definisi Syahadah:

Syahadah (Penyaksian tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah) adalah pengucapan dua kalimah syahadah yang merupakan pernyataan atau ikrar misi dan visi hidup seorang Muslim

Syahadah adalah pengucapan lidah yang melahirkan pengakuan hati dan keinginan jiwa terhadap ketuhanan dan keesaan Allah serta kebenaran Rasul-Nya Muhammad s.a.w. sebagai utusan terakhir yang membawa rahmat kepada keseluruhan alam.

Rukun Syahadah:

1. Mengisbatkan Zatullah
2. Mengisbatkan Sifatullah
3. Mengisbatkan Af'al Allah.
4. Menetapkan kebenaran Rasulullah

Syarat Sah Syahadah:

- Diketahui dan difahami - wajib tahu lafaz, makna dan kandungannya
- Ditasdiqkan dengan hati - yakin dan tidak ragu
- Diikrar dengan lidah
- Diamalkan dengan anggota

Perkara Yang Membatalkan Syahadah

IKTIKAD

- Syak kepada Allah, Rasulullah, Kiamat
- Menghalalkan sesuatu yang diharamkan dengan ijmak
- Meringankan janji Allah
- Menafikan perkara sunat dengan ijmak ulama

PERBUATAN

- Sujud kepada selain Allah dengan sengaja
- Menghina Kalam Allah, hadis dan ilmu syariat
- Pergi rumah ibadat agama lain dengan memakai pakaian mereka dengan reda dengan agama mereka

PERKATAAN

- Mempermainkan nama Allah
- Tidak bersyukur dengan nikmat yang Allah beri
- Meringankan suruhan Allah, degil atau ingkar

2. SOLAT

Bahasa:

Doa

Istilah Syarak:

Solat adalah ibadah yang tersusun dari beberapa perkataan dan perbuatan dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam, mengikut syarat-syarat tertentu.



TUJUAN SOLAT

- Solat mendidik manusia supaya sentiasa mengingati Allah s.w.t. dan mematuhi perintah-Nya
- Solat boleh memelihara manusia daripada melakukan kejahatan.
- Solat akan memberi ketenangan jiwa.
- Solat akan memberi kejayaan kepada orang mukmin tetapi solat itu hendaklah dilaksanakan dengan penuh khusyuk.

KEPENTINGAN SOLAT

- Menghampiri diri kepada Allah s.w.t
- Memperkuat keimanan dan ketakwaan
- Mendidik diri supaya sentiasa mengingati Allah s.w.t.
- Memberi kecerdasan jasmani, kecerdasan akal dan meningkatkan kualiti rohani.
- Bersyukur kepada Allah. s.w.t

Rukun Solat

ialah perkara Wajib dilakukan dalam solat

RUKUN QALBI

Perlu dilakukan dalam hati

1. Niat
2. Tertib

RUKUN QAULI

Dilakukan secara lisan dan wajib didengari oleh telinga sendiri

1. Takbiratul Ihram (ucapan Allahu Akbar)
2. Al Fatihah
3. Tahiyat Akhir
4. Selawat atas nabi
5. Salam yang pertama

RUKUN FI'LI

Dilakukan secara perbuatan (pergerakan)

1. Berdiri (qiam).
2. Rukuk.
3. Iktidal.
4. Sujud.
5. Duduk antara dua sujud.
6. Duduk tahiyat akhir

3. PUASA

BAHASA:

Menahan diri daripada sesuatu

Menahan diri daripada melakukan sesuatu yang membatalkan puasa bermula dari terbitnya fajar sehingga terbenam matahari

ISTILAH:




INFO
PENGUKUHAN



<https://bit.ly/SoalJawabPuasa>

PUASA



- Puasa adalah ibadat.
- Puasa adalah manifestasi kepada sifat sabar dan tabah.
- Mendidik manusia menjadi seorang yang lebih bertakwa.
- Puasa boleh memberikan kesegaran mental dan fizikal

TUJUAN PUASA

KEPENTINGAN PUASA

- Dicairkan daging haram yang tumbuh dari badannya. (darah daging yang tumbuh daripada makanan yang haram).
- Rahmat Allah s.w.t. sentiasa dekat dengannya.
- Diberi oleh Allah s.w.t. sebaik-baik amal.
- Dijauhkan daripada merasa lapar dan dahaga.
- Diberikan cahaya oleh Allah s.w.t. pada hari kiamat untuk menyeberang titian sirat al - Mustaqim.

3. PUASA

Islam – Tidak wajib bagi orang kafir melakukan puasa.

Berakal – Tidak diwajibkan berpuasa bagi orang gila.



Baligh – Tidak diwajibkan berpuasa ke atas kanak-kanak yang belum sampai umur baligh. Walau bagaimanapun kanak-kanak digalakkan berpuasa

Berkemampuan – Tidak wajib bagi orang yang tidak berdaya berpuasa seperti orang sakit, musafir, orang tua dan sebagainya.

SYARAT SAH PUASA

- Islam
- Berakal
- Suci daripada haid atau nifas.
- Masuk waktu puasa
- Berniat pada setiap malam.
- Menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa.

4. ZAKAT

BAHASA:

Kata dasar dalam bahasa Arab daripada perkataan Zaka yang membawa pengertian berkat, tumbuh, suci, bersih dan baik atau dapat memberi maksud membersihkan atau mensucikan.

ISTILAH:

Sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah s.w.t. diserahkan kepada orang yang berhak.

MENURUT AL-MARBAWI:

zakat ialah nama bagi sesuatu pengambilan tertentu daripada harta yang tertentu menurut sifat-sifat tertentu dan untuk diberikan kepada golongan tertentu.



Tujuan Zakat

Zakat dan jaminan sosial.

Penggerak ekonomi bagi golongan yang tidak mampu supaya memainkan peranan dalam ekonomi.

Menyuburkan kegiatan halal dalam aktiviti sosioekonomi umat Islam.

Membantu kegiatan dakwah dan pendidikan dalam masyarakat.

Mengiatkan semangat jihad dan kegiatan fisabilillah.

Kepentingan Zakat

Memberi pertolongan orang susah dan fakir miskin.

Mengeratkan tali persaudaraan antara golongan berada dengan golongan miskin.

Sebagai tanda syukur atas nikmat-nikmat pemberian Allah s.w.t

Menjauhkan sifat-sifat bakhil orang Islam.

Menggalakkan umat Islam mengorbankan harta benda demi Islam

ZAKAT HARTA

Zakat emas dan perak



Zakat tanaman



Zakat ternakan



Zakat perniagaan



Zakat galian




Zakat wang simpanan



Zakat saham



Zakat pendapatan



Zakat fitrah

ZAKAT BADAN

Asnaf yang layak menerima Zakat

Fakir

Mskin

Amil

Mualaf

Riqab

Gharimin

Ibn Sabil

Fi Sabilillah

FIRMAN ALLAH S.W.T. YANG BERMAKSUD:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan orang musafir dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang datangnya daripada Allah dan ingatlah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana)
(Surah At Taubah: 60)

5. HAJI

Setiap umat Islam yang cukup syaratnya (berkemampuan) wajib mengerjakan haji di Mekah. Haji ialah ibadat yang diperintahkan oleh Allah s.w.t.

Orang yang menunaikan haji bukanlah kerana hendakkan keduniaan (gelaran atau menunjuk-nunjuk) tetapi kerana ibadat haji itu tuntutan agama.

Islam

- Tidak wajib atas orang kafir dan murtad.

Baligh

- Tidak wajib atas kanak-kanak tetapi sah hajinya dan tidak gugur wajibnya apabila baligh.

Berakal

- Tidak wajib atas orang gila dan jika dilakukan juga, tidak sah hajinya

Merdeka

- Hamba abdi tidak diwajibkan, tetapi sah hajinya dan diberi pahala.

Berkuasa/


berkemampuan

- Berhubung dengan berkuasa atau berkemampuan

Syarat Sah Haji

Rukun Haji

1. Niat Ihram Haji
2. Wukuf Di Arafah
3. Tawaf Haji
4. Sa'ie Haji
5. Bercukur @ Bergunting
6. Tertib Pada Kebanyakan Rukun haji

- 
1. Niat Ihram Di Miqat
 2. Meninggalkan Perkara Larangan Dalam Ihram
 3. Bermalam Di Muzdalifah
 4. Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah
 5. Bermalam Di Mina Pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah
 6. Melontar Ketiga-tiga Jamarat Pada Hari Tasyrik

Syarat Wajib Haji

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud Dan menjadi kewajipanlah bagi manusia terhadap Allah untuk mengunjungi rumah itu bagi yang sanggup berjalan antara mereka. (Surah Ali Imran: 97)

LATIHAN KEFAHAMAN

Tandakan / pada pernyataan yang betul dan x pada pernyataan yang salah.

PERKARA

/

X

Membenarkan dengan anggota adalah salah satu syarat sah syahadah.

Rukun solat terbahagi kepada 4 iaitu rukun qauli, rukun galbi, rukun fi'li dan rukun sadri.

Syarat wajib puasa adalah Islam, baligh, berakal dan suci dariapda hadas kecil dan besar.

Rukun haji terbahagi kepada 5 iaitu niat, wukuf, tawaf, bercukur dan tertib.

Rukun adalah perkara yang mesti dilakukan dalam sesuatu ibadah. Jika tertinggal salah satu rukun maka ibadah yang dilakukan tidak sah.

Sunat hai'ah ialah perkara sunat yang dituntut mengerjakannya dan diberi pahala apabila melakukannya.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Semak Jawapan disini:

1. Betul || 2. Salah || 3. Betul || 4. Betul || 5. Betul || 6. Betul




IHSAN

Konsep Ihsan

DEFINISI IHSAN

laitu tindakan seseorang melakukan sesuatu amalan atau kebaikan kerana menyedari bahawa Allah s.w.t sedang memerhatikan gerak-gerinya dan mengharapkan balasan baik drpd Allah s.w.t.




HADIS RASULLAH S.A.W

"Ihsan adalah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, jika kamu tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia sedang melihat kamu."



PEMBAHAGIAN IHSAN



IBU BAPA



ANAK YATIM



HAIWAN



ALAM



Ihsan

KEPADA ALLAH

- Merupakan kemuncak pengabdian.
- Melaksanakan rukun-rukun Islam dan segala perintahNya dengan baik dan teliti.
- Firman Allah s.w.t:

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ

Tidakkah ia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat (segala amal perbuatannya dan membalasnya)?

[Al-'Alaq: 14]



Ihsan

KEPADA MAKHLUK


1. IBU BAPA

- Penat lelah melahirkan dan membesarkan anak-anak.
- Pengorbanan ibu bapa akan dibalas dengan ganjaran yang setimpal oleh Allah s.w.t.
- Firman Allah s.w.t:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ
وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

14. Dan Kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua orang tuanya. Ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapihnya dalam usia dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua orang tuamu. Hanya kepada Aku kembalimu.

[Luqman:14]




Ihsan

KEPADA MAKHLUK

2. ANAK YATIM

- Mereka yang kehilangan ibu atau bapa atau kedua-duanya.
- Juga belum mencapai usia baligh.
- Islam menuntut supaya berbuat ihsan terhadap anak-anak yatim.
- Sebagai contoh:
 - 1) Tidak memakan harta anak-anak yatim.
 - 2) Memberikan bantuan berupa wang ringgit.
 - 3) Sentiasa berbuat baik dan tidak mengkasari mereka.
 - 4) Memberikan semangat dan motivasi dalam mendepani cabaran hidup.



Ihsan

KEPADA MAKHLUK

3. HAIWAN

- Allah s.w.t menyuruh supaya berbuat ihsan terhadap haiwan dan makhluk-makhluk lain, bukan hanya kepada manusia.
- Insan yang beriman tidak boleh berlaku zalim dan menyakiti haiwan sesuka hati.
- Setiap amalan baik diberikan ganjaran baik manakala setiap amalan buruk akan dibalas dengan buruk.
- Firman Allah s.w.t:

مَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ

Maka barangsiapa mengerjakan kebaikan seberat zarah,
nescaya dia akan melihat (balasan)nya,

[Al-Zalzalah:7]

وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

dan barangsiapa mengerjakan kejahatan seberat zarah,
nescaya dia akan melihat (balasan)nya.

[Al-Zalzalah:8]



Ihsan

KEPADA MAKHLUK


4. ALAM

- Antara tuntutan untuk manusia berbuat ihsan terhadap alam sekitar ialah tidak merosakkan alam sekitar, menjaga alam sekitar dan membangunkan alam sekitar dengan baik.
- Kerosakan yang dilakukan seperti penebangan sesuka hati adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia sendiri.
- Firman Allah s.w.t:

**ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ**

Telah tampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia; Allah menghendaki agar mereka merasakan sebagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

[Al-Rum:41]



HUBUNGAN ANTARA IMAN, ISLAM & IHSAN

IMAN

Percaya dan yakin dengan keesaan Allah s.w.t

ISLAM

Patuh laksanakan perintah Allah s.w.t

IHSAN

Ikhlis tanpa mengharapkan ganjaran

Konsep Akhlak

- **Bahasa:** Akhlak didefinisikan sebagai moral, tabiat, perangai, budi, adab, sifat semulajadi, maruah, watak, amalan agama atau rupa batin seseorang.
- **Istilah:** Akhlak ialah suatu ilmu yang menjelaskan erti baik dan buruk, menerangkan apa yang seharusnya dilakukan oleh setengah manusia kepada yang lainnya, menyatakan tujuan yang harus dituju oleh manusia dalam perbuatan mereka dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang harus diperbuat.
- **Firman Allah s.w.t:**

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ وَالْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan yang banyak mengingat Allah.

[Al Ahzab:21]

MENURUT TOKOH ILMU PSIKOLOGI ISLAM TAKRIF AKHLAK PERLU DILIHAT PADA DUA SUDUT:

1

BATINIAH:

Akhlak merupakan ilmu yang membahaskan masalah dalaman manusia yang berkaitan kejiwaan.

2

ZAHIRIAH:

Akhlak ialah satu cara yang memperlihatkan sesuatu berbentuk zahir sama ada pada tuturkata, tingkah laku dan perangai boleh menjadi ukuran peribadinya.

**CABARAN
PEMBINAAN AKHLAK**



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

1. HAWA NAFSU

Terbahagi kepada:

1

AMMARAH

Melakukan maksiat dan dosa.

2

LAWWAMAH

Mencela diri dan cepat menyesali apabila telah melakukan dosa dan kesilapan.

3

MUTMAINNAH

Dicapai manusia dalam usaha mencari redha dan keredhaan Allah s.w.t.

CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

2. PERSEKITARAN

- Persekitaran merupakan elemen yang penting dalam membentuk akhlak seseorang.
- Jika persekitaran baik, maka masyarakat diperbentuk dengan baik.
- Sekiranya persekitaran negatif seperti pengaruh buruk dari rakan, media masa yang menyajikan hiburan berunsur seks, tidak mungkin perbentukan akhlak akan dilakukan dengan sempurna.



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

3. SESAMA MANUSIA

- Manusia terbahagi kepada pelbagai jenis, sifat dan perangai.
- Terdapat manusia yang soleh, fasik, munafik, kafir dan sebagainya.
- Ada manusia yang suka mencaci, mengejek, menghina orang lain yang ingin melakukan suruhan Allah s.w.t.
- Faktor begini jelas menjadi penghalang kepada pembentukan akidah dan akhlak manusia.



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

4. PERGAULAN BEBAS

- Pergaulan bebas merujuk kepada **gaya pergaulan tanpa batasan dan peraturan di antara lelaki dan perempuan** yang menimbulkan banyak masalah sosial dan keruntuhan akhlak.
- Bagi mengatasi masalah pergaulan bebas yang keterlaluan dan melampaui batas agama, umat islam mesti kembali kepada ajaran agama Islam dan mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar dalam setiap aspek kehidupan.



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

5. HEDONISME


- Hedonisme bermaksud **pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup.**
- Hedonisme banyak membawa keburukan berbanding kebaikan. Hal ini kerana apabila budaya ini diamalkan dalam kehidupan, masyarakat akan hanyut dibuai hawa nafsu dan mengetepikan agama dari kehidupan.
- Cara mengatasi hedonisme adalah dengan cara meneliti kurikulum pendidikan Islam negara bagi memastikan keberkesanannya dalam jiwa masyarakat.



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

6. BERSEKEDUDUKAN


- Bersekedudukan bermaksud **seorang lelaki dan perempuan yang tinggal bersama atau sebumbung tanpa ikatan pernikahan yang sah atau tanpa sebarang hubungan mahram.**
- Bersekedudukan merupakan satu perbuatan yang keji dan tidak berakhlak.
- Bagi mengatasi masalah ini adalah dengan cara berkahwin dan menyempurnakan hukum agama supaya ikatan menjadi sah.



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

7. SUMBANG MAHRAM


- Sumbang mahram ialah **perbuatan zina yang dilakukan oleh seseorang yang ada pertalian darah dengan mangsa**. Sebagai contoh ayah merogol anak, datuk merogol cucu dan seumpamanya.
- Bagi mengatasi masalah ini adalah dengan cara mengenakan hukuman kepada perogol tersebut dan memberi pencegahan serta pengawalan untuknya.



CABARAN PEMBINAAN AKHLAK

8. IBLIS & SYAITAN

- Iblis dan syaitan adalah musuh kepada manusia selama-lamanya.
- Nafsu dan jiwa yang lemah mudah dipengaruhi syaitan.
- Syaitan hanya menunggu ruang dan waktu yang sesuai untuk menggoda dan menyesatkan manusia tidak kira samada orang itu beriman, bertaqwa mahupun jahil.



Konsep Dosa dan Pahala

PAHALA

- Pahala ialah balasan baik yang dikurniakan Allah kepada hambaNya kerana mentaati perintah Allah dan meninggalkan laranganNya.
- Amalan yang diberi pahala:
Menunaikan solat, menuntut ilmu, gotong-royong, menghormati orang tua, menjaga aurat dan lain lagi.

DOSA

- Dosa ialah balasan buruk di akhirat ke atas hamba yang meninggalkan perintah Allah s.w.t dan melakukan laranganNya.
- Perbuatan yang mendapat dosa:
Pergaulan bebas melakukan kekejaman, tidak menutup aurat, merompak, vandalisme, minum arak, berjudi dan lain lagi.

Latihan Kefahaman

Tandakan (/) pada Pernyataan yang betul dan (X) pada Pernyataan yang salah

- | | Betul | Salah |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| • Dosa ialah balasan buruk di akhirat ke atas hamba yang meninggalkan perintah Allah dan melakukan larangannya. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Ahmad mengejut kawannya untuk solat tarawikh. Ahmad layak mendapat pahala atas perbuatannya. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Siti berkongsi cerita perihal suaminya di media sosial untuk mendapatkan perhatian rakan-rakan. Siti layak mendapat pahala atas perbuatannya. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Diantara cara menunjukkan ihsan kepada Allah dengan melaksanakan rukun-rukun Islam dan perintahnya. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Berbuat baik kepada jiran, ibu bapa, haiwan dan merosakkan alam sekitar adalah cara kita menunjukkan ihsan kepada makhluk. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Akhlak merujuk kepada setiap tindakan atau amalan yang terkeluar dari lingkungan baik dan jahat. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Abu memberikan rawatan kepada seekor anjing yang cedera. Abu telah menunjukkan contoh ihsan kepada makhluk. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| • Ali mengajar kawannya membaca statistik sehingga terabai waktu solatnya. Ali telah menunjukkan contoh akhlak yang baik. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

Semak Jawapan disini:

1. Betul || 2. Betul || 3. Salah || 4. Betul || 5. Salah ||
6. Salah || 7. Betul || 8. Salah



UJI MINDA

Islam Sebagai Cara Hidup



Rukun Iman



Rukun Islam



JOM BERMAIN SAMBIL BELAJAR



Arahan Permainan:

1. Boleh bermain seramai 8 pemain/ kumpulan dalam satu masa.
2. Klik pada gambar tangan untuk menggerakkan kedua-dua dadu. Jika hendak menggunakan 1 dadu sahaja, klik pada dadu.
3. Jika berhenti pada petak yang tiada soalan, pemain boleh ambil soalan dalam kotak soalan ditengah-tengah boardgame.
4. Pemain boleh pilih untuk ambil atau tidak kad misteri jika berjaya menjawab soalan.



<https://bit.ly/IslamicStudiesBoardGamePart1>

INFO ILMIAH

Scan
ME

Rukun Solat



Tatacara Solat



Solat Ketika
Musafir



Soal Jawab
Puasa



Doa dan Zikir



Aktiviti Bulan
Ramadhan



Rukun Qauli

Rujukan

- Ismail Kamus et. Al. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*, Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Muhammad Firdaus bin Nurul Huda & Muhd Ramzi Omar (2006). *Ensiklopedia Asas Fardhu Ain*, Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn Bhd.
- Sharifah Nur Abu (2021). *MPU23012 Pengajian Islam*. Rak eBook Pengajian Umum Pelajar Politeknik Malaysia. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau, Melaka.
- Rohidzir Rais et. Al. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Roziah Sidik et. Al. (2011). *Pengajian Islam*, Shah Alam: Oxford Fajar
- Yusuf al-Qardawi (2008). *Iman dan kehidupan*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar
- Merdeka.com. (n.d.). Retrieved from Al-Quran Digital:
<https://www.merdeka.com/>



e ISBN 978-967-2762-67-6



9 789672 762676


POLITEKNIK
MALAYSIA
MERLIMAU